

17/09/2003

PLA, ATM rancang kerjasama pertahanan

Shamsul Kamal Amarudin

KUALA LUMPUR: China berhasrat menjalinkan hubungan lebih erat dalam bidang pertahanan dengan Malaysia, terutama dalam aspek pertukaran maklumat, peningkatan lawatan serta kerjasama dalam industri ketenteraan.

Hasrat itu dinyatakan Ketua Staf Tentera Pembebasan Rakyat (PLA) China, Jeneral Liang Guanglie, ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, di Wisma Pertahanan, di sini semalam.

Selaras itu, Guanglie menyerahkan draf cadangan memorandum persefahaman (MoU) yang menggariskan rangka kerjasama yang boleh dijalinkan kedua-dua negara, kepada Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Zahidi Zainuddin petang semalam.

Najib berkata, beliau sudah meneliti draf cadangan itu yang pertama kali dikemukakan negara berkenaan dan akan mengkajinya sebaik mungkin.

"Kita menerima dengan baik hasrat mereka untuk meningkatkan kerjasama menerusi MoU berkenaan," kata Najib pada sidang akhbar selepas kunjungan hormat.

Guanglie bersama 12 delegasi tiba di negara ini, Jumaat lalu dalam rangka lawatan kerja enam hari sebelum berlepas pulang hari ini.

Sepanjang berada di negara ini, rombongan itu mengadakan beberapa kunjungan hormat, termasuk di Akademi Tentera Malaysia (Atma) selain melakukan lawatan ke Melaka, Putrajaya dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Selain Najib, Guanglie dan delegasi turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Najib berkata, China menerusi PLA menyatakan hasrat itu kerana ketika ini sudah ada kerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan antara kedua-dua negara.

Dalam masa sama, katanya, Malaysia dan China juga mempunyai beberapa pendirian yang sama dalam beberapa isu antarabangsa.

Oleh itu, katanya, mereka berharap kerjasama dalam bidang pertahanan dan ketenteraan dapat berkembang dan dijalinkan sebagaimana bidang lain.

"Sebelum ini, kerjasama dijalinkan hanya membabitkan lawatan oleh pemimpin tentera, lawatan muhibah kapal perang, penempatan pegawai penasihat pertahanan di kedutaan kedua-dua negara, penyertaan dalam pameran serta pembabitan sektor swasta Malaysia dalam industri pertahanan negara itu," katanya.

Sementara itu, mengulas penyertaan kecil bukan Bumiputera dalam ATM, Najib berkata, pihaknya sudah melakukan pelbagai usaha bagi menarik minat golongan terbabit tetapi belum ada maklum balas memberangsangkan.

"Apa yang saya dapati ialah mereka lebih berminat menjadi pegawai jika berada dalam ATM dan bukannya anggota biasa," katanya.

Beliau berkata, antara usaha dilakukan bagi menarik minat belia Cina dan India menyertai ATM ialah melakukan promosi dalam media massa, iklan dalam akhbar Cina dan India, pameran di beberapa kawasan strategik serta meminta bantuan pemimpin masyarakat kaum itu melakukan promosi.

Najib turut menolak dakwaan kemungkinan ada layanan berbeza mengikut kaum dalam ATM, sebaliknya berkata semua dilayan dan dilatih sama rata sebagai anggota tentera.

Beliau juga berkata, pihaknya tidak berhasrat melaksanakan kerahan tenaga bagi menarik minat belia dari kedua-dua kaum itu menyertai ATM.

"Dasar kerajaan masih sama, iaitu keanggotaan ATM adalah berasaskan kepada penyertaan sukarela dan tanpa paksaan," katanya.